

Ruj Kami : MFF/NSZ -2017 (001)  
Tarikh : 5 Januari 2017

Kepada  
Semua Ahli Gabungan MFF

Y.Bhg./Dato'/Tuan/Puan,

**KEJOHANAN LAWAN PEDANG KEBANGSAAN 2017 (KADET, REMAJA & TERBUKA)**

Dengan segala hormatnya, sukacita dimaklumkan bahawa Persekutuan Lawan Pedang Malaysia akan menganjurkan pertandingan di atas sebagaimana ketetapan di bawah:

**Tarikh** : 10 – 12 Februari 2017  
**Tempat** : Indoor Sport Arena, Tingkat 3,  
Wisma OCM, Kuala Lumpur  
**Yuran Pendaftaran** : RM 100.00 / kategori /orang

2. Sehubungan dengan itu, adalah dipohon kerjasama semua pihak untuk menggalakkan penyertaan ke kejohanan tersebut serta membuat pengesahan sebelum **3 Februari 2017**.
3. Bersama-sama ini disertakan borang pendaftaran mengikut acara dan tentatif pertandingan sebagai rujukan tuan/puan.
4. Selain itu, perlu diingatkan bahawa denda sebanyak **RM200.00** akan dikenakan kepada Jurulatih kelab atau persatuan negeri yang bertanggungjawab sekiranya membatalkan penyertaan pada dan selepas **6 Februari 2017**.
5. Pihak MFF mengucapkan jutaan terima kasih di atas sokongan dan kerjasama tuan/puan dalam menjayakan setiap aktiviti pertandingan yang dijalankan. Semoga kita dapat melahirkan atlet – atlet yang berkualiti dan berprestasi sebagai aset kepada kemajuan sukan negara.

Sekian, terima kasih

**“KE ARAH KECEMERLANGAN SUKAN ”**

**(NURSYAZA BT ZULKIFLI)**  
Setiausaha Eksekutif  
Persekutuan Lawan Pedang Malaysia

s.k. **Encik Ahmad Farik Haji Abdul Hamid**  
Presiden, Persekutuan Lawan Pedang Malaysia

**KEJOHANAN LAWAN PEDANG KEBANGSAAN 2017 (KADET, REMAJA & TERBUKA)  
INDOOR SPORT ARENA, TINGKAT 3, WISMA OCM, KUALA LUMPUR  
10 – 12 FEBRUARI 2016**

TARIKH	MASA	KATEGORI	ACARA
<b>10 Februari 2017 (Jumaat)</b>	9.00 pagi	Kadet	<ul style="list-style-type: none"> <li>Men's Epee</li> <li>Women's Foil</li> <li>Men's Sabre</li> </ul>
	11.00 pagi		<ul style="list-style-type: none"> <li>Men's Foil</li> <li>Women's Epee</li> <li>Women's Sabre</li> </ul>
	3.30 petang	Junior	<ul style="list-style-type: none"> <li>Men's Epee</li> <li>Men's Sabre</li> </ul>
	6.00 petang		<ul style="list-style-type: none"> <li>Penyampaian Hadiah</li> </ul>
<b>11 Februari 2017 (Sabtu)</b>	9.00 pagi	Junior	<ul style="list-style-type: none"> <li>Men's Foil</li> <li>Women's Epee</li> </ul>
	10.30 pagi		<ul style="list-style-type: none"> <li>Women's Foil</li> <li>Women's Sabre</li> </ul>
	3.00 petang	Senior	<ul style="list-style-type: none"> <li>Women's Epee</li> <li>Men's Sabre</li> </ul>
	6.00 petang		<ul style="list-style-type: none"> <li>Penyampaian Hadiah</li> </ul>
<b>12 Februari 2017 (Ahad)</b>	9.00 pagi	Senior	<ul style="list-style-type: none"> <li>Men's Foil</li> <li>Women's Sabre</li> </ul>
	10.00 pagi		<ul style="list-style-type: none"> <li>Women's Foil</li> <li>Men's Epee</li> </ul>
	4.00 petang		<ul style="list-style-type: none"> <li>Penyampaian hadiah</li> </ul>
<b>*MFF akan membuat pindaan sekiranya perlu setelah berbincang dengan pengurus pasukan</b>			